

X-plorasi berakit UMP-KPT himpun 455 peserta IPT

Seramai 455 perakit daripada 35 pasukan rakit institusi pengajian tinggi (IPT) selamat tiba di Pekan Riverfront sebagai destinasi terakhir menamatkan X-Plorasi berakit IPT 1Malaysia melibatkan sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA), tujuh Kolej Komuniti, tiga Politeknik, lima rakit dari UMP, sebuah rakit dari KPT dan 10 rakit mewakili IPTS seluruh negara.

Program yang julung kali diadakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu bermula pada 11 hingga 15 Mei 2010. Ekspedisi singgah di Kampung Kuala Triang, Bera, Kampung Pesagi di Maran, Kampung Belimbing dan Kampung Kiambang, Ganchong di Pekan sebelum berlabuh di Pekan Riverfront, Pekan Pahang.

Acara bermula apabila semua peserta berkampung menghias rakit di tapak perkemahan di kampung Bangau Tanjung,

Temerloh pada 9 hingga 10 Mei sebelum berlepas dari Taman Esplanade Temerloh

Majlis perasmian disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, YB Dato' Saifuddin Abdullah.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Pegawai Daerah Temerloh, Dato' Dr. Salehuddin Ishak dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Temerloh, Dato' Haji Zulkifli Haji Yaacob.

Menurut Dato' Saifuddin Abdullah, perjalanannya berakit ini melambangkan sinergi berterusan antara pihak KPT dan IPTA serta wadah penyatu pelbagai IPT dalam mengharungi cabaran berakit di Sungai Pahang.

"Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berusaha untuk melahirkan graduan yang memiliki ciri-ciri dalam kecemerlangan dalam bidang intelektual, spiritual, pencapaian akademik dan kurikulum.

"Pelajar IPT berpotensi membina kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang sukan malah aktiviti rekreasi seperti berakit yang dapat meningkatkan kecerdasan intelek dan fizikal ke arah amalan hidup sihat.

"Kesempatan ini akan dijadikan medan interaksi antara peserta yang datang dari pelbagai IPT serta melebarkan jaringan persahabatan semangat 1 Malaysia," katanya.

Beliau berkata, penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum bukan sahaja perlu aktif malah perlu sampai ke tahap pakar dalam bidang yang diceburi.

Katanya, mulai tahun 2010 pihak kementerian pengajian tinggi telah memperkenalkan my3s yang merupakan skala kemahiran insaniah pelajar Malaysia.

Tujuh nilai kemahiran insaniah (*soft skills*) yang ditekankan ialah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dalam penyelesaian masalah, pembelajaran

"Pelajar IPT berpotensi membina kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang sukan malah aktiviti rekreasi seperti berakit yang dapat meningkatkan kecerdasan intelek dan fizikal ke arah amalan hidup sihat."

- Dato' Saifuddin Abdullah

